

28 JAN 2003

INDUSTRI-SEMPADAN

PERLIS AKAN WUJUDKAN KAWASAN INDUSTRI MESRA SEMPADAN

KANGAR, 28 Jan (Bernama) -- Kerajaan Perlis berhasrat mewujudkan sebuah kawasan industri yang berkonsepkan "mesra sempadan" di Padang Besar bagi menghidupkan kawasan pinggir sempadan yang agak sepi.

Kawasan industri itu, jika diluluskan kerajaan pusat, akan menjadi yang pertama di negara ini kerana salah satu pintu masuknya terletak di sebelah Thailand.

Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, kerajaan negeri telah mengemukakan kertas cadangan itu kepada kerajaan pusat baru-baru ini, dan masih menunggu kelulusannya.

Kawasan industri yang dicadangkan itu membabitkan kawasan seluas hampir 400 hektar, yang terletak kira-kira dua kilometer daripada pekan Padang Besar.

Sebuah syarikat pemaju telah menunjukkan minat untuk memajukan kawasan industri itu dengan cadangan menyediakan prasarananya termasuk mewujudkan pintu masuk khas untuk pekerja Thailand berulang alik.

Shahidan berkata, kawasan itu akan diisytiharkan sebagai zon bebas bergerak dengan setiap pekerja asing yang masuk dari Thailand tidak perlu menunjukkan sebarang dokumen.

Ditanya kemungkinan rakyat asing akan menyalahgunakan kebebasan itu, Shahidan berkata, berdasarkan amalan yang dilaksanakan pada pasar sehari di Wang Kelian, mereka tidak berbuat demikian kerana kawalan pihak berkuasa yang rapi.

Setiap hari Ahad, penduduk Malaysia dan Thailand bebas melepasi sempadan antarabangsa di Wang Kelian tanpa sebarang dokumen sehingga sejauh dua kilometer daripada garisan sempadan untuk membolehkan mereka membeli-belah pada pasar sehari itu.

Jika di Wang Kelian boleh dilakukan, Shahidan berkata, ia juga boleh dilaksanakan di kawasan perindustrian baru itu, apatah lagi ia kawasan yang akan dipagar sepenuhnya.

Menurut Menteri Besar, antara sebab kawasan perindustrian pinggir sempadan itu diwujudkan ialah untuk memberi kemudahan kepada pelabur mendapatkan tenaga kerja yang lebih banyak termasuk dari Thailand.

Katanya, meskipun pekerja rakyat tempatan digalakkan merebut peluang itu, tetapi jika tenaga kerja masih belum mencukupi, ia boleh ditampung oleh rakyat Thailand.

"Itu sebabnya sebuah pintu khas diwujudkan di sempadan bagi membolehkan kemasukan pekerja Thailand di samping pintu di sebelah Malaysia untuk rakyat tempatan," katanya.

Menteri Besar yakin kawasan industri itu akan menarik minat pelabur dalam dan luar negeri kerana kedudukannya yang unik, di samping kemudahan mendapatkan tenaga kerja.

Kerajaan negeri telah mengemukakan permohonan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan untuk mendapatkan peruntukan membina lebuh raya yang menghubungkan Padang Besar dan Bukit Kayu Hitam.

Lebuh raya itu penting bagi membantu pembangunan pinggir sempadan itu terutama kawasan perindustrian yang dicadangkan.

Selain itu, sebuah landasan kereta api antara stesen Padang Besar dan kawasan perindustrian itu juga dicadangkan untuk kemudahan pengangkutan kontena.

-- BERNAMA

AD ZB